

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi menjawab soalan (a), sektor pelancongan memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara dari segi pertukaran wang asing di samping dapat memperkenalkan negara di mata dunia. Kementerian memberi perhatian yang serius atas keselamatan pelancong-pelancong dan warga asing yang berkunjung atau yang menetap dan bekerja di negara ini.

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan keselamatan pelancong-pelancong dan warga asing di negara ini adalah seperti berikut:-

- i) PDRM telah mengadakan Balai Polis Bergerak di tempat-tempat tumpuan pelancong dan warga asing, rondaan bermotosikal, rondaan oleh anggota polis pelancong dan juga kereta peronda MPV. Di samping itu juga para pelancong diberikan khidmat nasihat dan maklumat tentang kawasan-kawasan yang mereka hendak melawat.
- ii) Pihak polis juga mengadakan perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha pusat peranginan untuk memberi taklimat tentang keselamatan dan mencadangkan kepada pihak pengusaha pusat peranginan memberi perhatian terhadap aspek keselamatan seperti pemasangan CCTV di

**lokasi yang strategik dan juga menambah bilangan pengawal keselamatan di pusat peranginan tersebut.**

**Bagi menjawab soalan (b), bidang kuasa untuk meluluskan atau membatalkan lesen pusat hiburan adalah di bawah budi bicara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), begitu juga had masa untuk operasi pusat hiburan adalah berbeza mengikut negeri. Kementerian tidak berkuasa untuk menentukan masa operasi pusat hiburan kepada jam 12 tengah malam tetapi Kementerian akan mencadangkan dalam mesyuarat Ketua Menteri dan Menteri Besar untuk pertimbangan. Mana-mana pusat hiburan yang melebihi masa yang ditetapkan adalah melakukan kesalahan kerana melanggar syarat lesen dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengambil tindakan mengenakan kompaun atau membatalkan lesen berkenaan.**

**SOALAN ( 40 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014  
[ SELASA ]

DARIPADA : Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[ TANAH MERAH ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [ TANAH MERAH ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah langkah yang akan dilakukan oleh Kementerian itu dalam menangani tindakan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) yang menyatakan harga rumah akan naik tiga hingga empat peratus berikutan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan GST pada 1 April tahun depan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor rumah kediaman dikecualikan daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan kesan GST terhadap industri rumah kediaman hanyalah secara tidak langsung dengan melibatkan impak yang sangat minima iaitu sebanyak 1-2% sahaja.

Kesan ini sebenarnya boleh di atasi oleh pihak pemaju sendiri tanpa menaikkan harga rumah. Makluman ini secara tidak langsung menafikan pandangan dan dakwaan dari Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) mengenai isu ini.